

SOALAN NO. 419

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN BUKAN LISAN

MESYUARAT PERTAMA, DEWAN RAKYAT

PENGGAL KELIMA, PARLIMEN KETIGA BELAS

MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : TUAN TEO KOK SEONG
[RASAH]**

TARIKH : 7 MAC 2017 (SELASA)

SOALAN :

Tuan Teo Kok Seong [Rasah] minta MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT menyatakan:-

- (a) jumlah penerima bantuan kebajikan masyarakat di seluruh negara berdasarkan negeri dan kaum sejak tahun 2008 sehingga tahun 2016 ; dan

- (b) mengapakah Kerajaan tidak bercadang untuk memberi bantuan kebajikan kepada golongan dimana jumlah pendapatan seisi keluarga mereka di bawah RM1500.

JAWAPAN: YB DATO' SRI ROHANI ABDUL KARIM, MENTERI
PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN
MASYARAKAT

Tuan Yang Dipertua,

Kerajaan melalui Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM), sentiasa memberikan perhatian khusus terhadap usaha meningkatkan taraf hidup golongan berpendapatan rendah dan memastikan tiada rakyat yang layak, tercicir daripada menerima bantuan kebajikan. Dalam hal ini, KPWKM melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) menyediakan pelbagai skim bantuan kewangan kepada golongan yang memerlukan bagi membolehkan mereka meneruskan kelangsungan hidup.

Kerajaan menyediakan peruntukan kewangan yang besar setiap tahun bagi tujuan penyaluran bantuan kebajikan dan perbelanjaan tersebut semakin meningkat dari setahun ke setahun. Jumlah peruntukan dan penerima Bantuan bagi tahun 2008 sehingga 2016 adalah seperti berikut:

1. 2008 – RM 371.2 juta (221,602 kes)
2. 2009 – RM 758.8 juta (353,889 kes)
3. 2010 – RM 1.195 bilion (424,526 kes)
4. 2011 – RM 1.352 bilion (473,928 kes)
5. 2012 – RM 1.472 bilion (514,066 kes)
6. 2013 - RM 1.542 bilion (492,676 kes)
7. 2014 - RM 1.461 bilion (492,607 kes)
8. 2015 - RM 1.529 bilion (487,185 kes)
9. 2016 - RM 1.529 bilion (462,322 kes)

Jumlah penerima bantuan dan peruntukan bagi tahun 2016 mengikut negeri adalah seperti berikut:

- | | |
|----------------|-------------------------------|
| 1. Johor | - 45,903 kes (RM 155,768,681) |
| 2. Kedah | - 35,182 kes (RM 120,403,393) |
| 3. Kelantan | - 42,353 kes (RM 121,239,399) |
| 4. Melaka | - 25,775 kes (RM 89,939,782) |
| 5. N. Sembilan | - 28,303 kes (RM 86,223,087) |
| 6. Pahang | - 27,953 kes (RM 98,182,416) |
| 7. Perak | - 37,331 kes (RM 120,925,100) |

- | | |
|---------------------|-------------------------------|
| 8. Perlis | - 10,005 kes (RM 27,314,836) |
| 9. P. Pinang | - 15,382 kes (RM 64,939,364) |
| 10. Sabah | - 49,967 kes (RM 168,413,942) |
| 11. Sarawak | - 57,324 kes (RM 191,976,068) |
| 12. Selangor | - 39,185 kes (RM 128,853,741) |
| 13. Terengganu | - 36,761 kes (RM 106,647,374) |
| 14. WP Kuala Lumpur | - 10,035 kes (RM 45,730,999) |
| 15. WP Labuan | - 863 kes (RM 2,667,324) |

Manakala jumlah penerima bantuan dan peruntukan mengikut kategori kaum bagi tahun 2016 adalah seperti berikut:

- | | |
|-------------------------|--------------------------------|
| 1. Melayu | - 250,731 kes (RM 810,983,812) |
| 2. Cina | - 75,176 kes (RM 257,085,607) |
| 3. Peribumi Sabah | - 44,821 kes (RM 149,784,777) |
| 4. India | - 49,550 kes (RM 169,071,006) |
| 5. Peribumi Sarawak | - 36,530 kes (RM 122,832,945) |
| 6. Lain-Lain | - 3,863 kes (RM 14,302,529) |
| 7. Peribumi Semenanjung | - 1,651 kes (RM 5,164,830) |

Kerajaan tidak bercadang untuk memberi bantuan kebaikan kepada golongan di mana jumlah pendapatan seisi keluarga mereka di bawah RM1500.00 kerana fokus pemberian bantuan JKM adalah kepada kumpulan sasar yang memerlukan dengan mengambilkira Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) Semasa yang telah ditetapkan oleh Unit Perancang Ekonomi (EPU), Jabatan Perdana Menteri (JPM) untuk menentukan kelayakan menerima bantuan kebaikan. Selain itu Bantuan Rakyat Satu Malaysia (BR1M) telah disalurkan oleh Kementerian Kewangan melalui Lembaga Hasil Dalam Negeri kepada golongan berpendapatan rendah yang mempunyai pendapatan isi rumah di bawah RM4000.00 juga meliputi bantuan kepada golongan di mana jumlah pendapatan seisi keluarga mereka di bawah RM1500.00.

KPWKM mengambil pendekatan bukan memberikan bantuan kewangan semata-mata, tetapi lebih kepada pendekatan pembangunan kapasiti agar golongan berpendapatan rendah mampu berdikari menjana pendapatan tambahan melalui program *productive welfare* samada pemberian Bantuan Geran Pelancaran (BGP) ataupuan pemberian latihan dan rujukan kepada agensi-agensi yang berkaitan.